



20 APR, 2021

Penduduk pulau di Johor terus dapat pembelaan

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Penduduk pulau di Johor terus dapat pembelaan

MERSING - Penduduk pulau di negeri ini terus mendapat pembelaan dengan pelbagai bantuan oleh kerajaan di bawah Agenda Johor Berkebajikan.

Ia terbukti melalui lawatan Menteri Besar, Datuk Ir Hasni Mohammad ke gugusan Pulau Mersing bagi menyampaikan pelbagai sumbangan termasuk bantuan kewangan e-Kasih Johor bagi daerah Mersing.

"Lawatan ini dibu-

at untuk menyampaikan bantuan di samping meninjau perkembangan serta kemajuan di sekitar gugusan pulau di Mersing sambil berjumpa dan beramahmesra dengan penduduk setempat.

"Sebagai simbolik dalam lawatan ini, seramai sembilan penerima yang terdiri daripada penduduk Kampung Tanjung Balang, Pulau Tinggi dan Kampung Busung

di Pulau Besar telah menerima wang tunai RM300 menerusi bantuan tersebut.

"Saya juga berkesempatan menyampaikan sumbangan Majlis Yayasan Makmur Mersing kepada seramai 10 pelajar sebanyak RM100 dan beg sekolah. Selain itu, Yaysan Makmur Mersing turut menyampaikan sumbangan kurma kepada seluruh penduduk pulau di

Pada majlis itu juga, penduduk setempat turut menerima Geran Pembangunan Buah-buahan Jangka Panjang dan Input Program Pertanian Komuniti oleh Jabatan Pertanian Negeri Johor.

Bersempena dengan lawatannya itu, Hasni turut meluangkan masa menanam pokok Mersing sebagai simbolik Kempen Penanaman 100 juta pokok di bawah Program Penghijauan Malaysia dan meninjau projek pembinaan Pusat Informasi dan Perkhidmatan Sultan Iskandar (PIPTLSI) di Pulau Besar.

"PIPTLSI merupakan projek di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dengan kerjasama kerajaan Johor serta Jabatan Kerja Raya Negeri Johor. Ia adalah pusat sentral untuk pelancong yang datang ke gugusan pulau di sekitar daerah Mersing.

"Selain itu, PIPITLSI juga akan beroperasi seperti Pusat Transformasi Luar Bandar yang menempatkan pejabat pelbagai agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia, Unit Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Pejabat Majlis Daerah Mersing," katanya.



Hasni (kiri) menyampaikan bantuan kewangan e-Kasih Johor Berkebajikan kepada seorang penerima.



Hasni (duduk tengah) bersama sebahagian murid yang menerima bantuan beg sekolah.



20 APR, 2021

Penduduk pulau di Johor terus dapat pembelaan

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

MERSING - Penduduk pulau di negeri ini terus mendapat pembelaan dengan pelbagai bantuan oleh kerajaan di bawah Agenda Johor Berkebajikan. Ia terbukti melalui lawatan Menteri Besar, Datuk Ir Hasni Mohammad ke gugusan Pulau Mersing bagi menyampaikan pelbagai sumbangan termasuk bantuan kewangan e-Kasih Johor bagi daerah

Mersing. "Lawatan ini dibu-

at untuk menyampaikan bantuan di samping meninjau perkembangan serta kemajuan di sekitar gugusan pulau di Mersing sambil berjumpa dan beramahmesra dengan penduduk setempat.